

IRONMAN

MALAYSIA TRIATHLON

28 MEI 2000

Mahathir tetamu kehormat majlis makan malam

UM 16 MAY 2000

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir' Mohamad akan menjadi tetamu kehormat majlis makan malam Kejohanan Ironman Triathlon Malaysia yang akan berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Langkawi pada 26 Mei ini.

Apa yang istimewa, majlis itu bakal menampilkan satu tradisi Ironman yang dipanggil *carbo-loading night* iaitu makanan yang dihidangkan mengandungi karbohidrat yang tinggi.

Jurucakap Langkawi Ironman Endurance Marathon (LIEM) Sdn. Bhd., Saadah Salleh berkata, *carbo-loading night* ini yang menyajikan makanan berkabohidrat tinggi seperti nasi dan pasta, bertujuan memberi tenaga sebelum kejohanan bermula.

Menurutnya, pada majlis itu, Dr. Mahathir akan diperkenalkan kepada para atlet serta para pegawai yang akan mengendalikan keiohanan pada 28 Mei ini.

Setakat ini seramai 120 atlet telah mengesahkan

penyertaan termasuk 63 orang atlet yang mewakili Malaysia.

Mengulas jumlah penyertaan yang masih kecil berbanding sasaran awal penganjur seramai 500 atlet, Saadah berkata, puncanya mungkin kerana acara Ironman ini masih baru di Malavsia, malah pertama kali "dianjurkan.

"Ramai atlet khususnya dari luar negara masih rag-u-ragu untuk menyertai, namun padakita, yang penting ialah ia satu pendedahan yang baik untuk atlet tempatan," ujarnya.

Keiohanan ini adalah antara "14 pusingan kelayakan untuk memilih 1,500 atlet terbaik ke final di Pulau Kona, Hawaii pada Oktober ini.

Disifatkan sebagai ujian paling getir untuk atlet sukan lasak, Ironman triathlon terdiri daripada tiga disiplin iaitu berenang sejauh 3.8 kilometer, berbasikal 180.2 kilometer dan berakhir dengan maraton 42.2 kilometer.